



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE TREASURY)
TINGKAT 2, 8-12
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

selangorku



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO. : AR 1905

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj kami: PWN.Sel.(PPA)052 Jilid 3 (14)
Tarikh: 29 Syawal 1437H
3 Ogos 2016

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YB. Dato'/YBhg Dato'/YBhg Datin Paduka/Tuan/Puan,

PERUNTUKAN KENDERAAN RASMI JABATAN BAGI PEGAWAI GRED 54 (BUKAN KETUA JABATAN) DI JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 1 Tahun 2013: Peruntukan Kenderaan Rasmi Jabatan Bagi Pegawai Gred 54 (Bukan Ketua Jabatan) di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor adalah berkaitan

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 22/2016 yang bersidang pada 13 Julai 2016 dan disahkan oleh MMKN ke 23/2016 pada 20 Julai 2016 telah meluluskan penambakan kemudahan penggunaan kenderaan iaitu:-

(i) Membenarkan kenderaan rasmi diguna untuk mengambil dan menghantar pulang pegawai Gred 54 (Bukan Ketua Jabatan) ke rumah bagi menjalankan tugas rasmi sebagai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri kepada pegawai untuk meningkatkan sistem penyampaian awam: dan

(ii) Penggunaan *Touch 'N' Go* dan Kad Inden boleh digunakan bagi tujuan di atas.

3. Selaras dengan itu, Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 1 Tahun 2013 hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran ini dan kerjasama YB Dato / YBhg Dato ' / YBhg Datin Paduka /Tuan /Puan adalah dipohon untuk mengambil maklum berkaitan perkara ini. Arahan ini disifatkan telah mula berkuatkuasa mulai 1 Mei 2016.

4. Segala kerjasama dan perhatian YB Dato'/YBhg Dato'/YBhg Datin Paduka/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO NOORDIN BIN SULAIMAN)

D.P.M.S, S.I.S

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan



No. Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN).
603-5544 7297 (TPWN),
603-5512 1054 (Bendahari Negeri),
603-5526 1055 (Belanjawan)
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my
Laman Web : http://pwn.selangor.gov.my